

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 17.3.2016**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) jumlah pelajar yang telah mendaftar untuk melanjutkan pengajian ke matrikulasi dan berikan pecahan mengikut kaum masing-masing; dan
- (b) bilakah kouta pengambilan pelajar akan dilaksanakan berdasarkan merit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai Dasar Pengambilan dan Penempatan Pelajar Program Matrikulasi yang menjadi asas rujukan dalam proses pengambilan dan penempatan pelajar ke Program Matrikulasi KPM. Seramai 19,530 pelajar telah mendaftar di lima belas (15) buah Kolej Matrikulasi KPM pada sesi tahun 2015/2016.
- b) Proses pengambilan pelajar Program Matrikulasi KPM adalah berdasarkan meritokrasi iaitu 90 peratus akademik dan 10 peratus

kokurikulum mulai sesi 2009/2010 sehingga kini. Hanya pelajar cemerlang yang memohon ke Program Matrikulasi sahaja akan ditawarkan tempat berdasarkan syarat merit yang telah ditetapkan.

RJM31